



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MYSTARTUP NXT SABAH BERJAYA MENARIK LEBIH DARIPADA 250 PESERTA

KOTA KINABALU, 24 November 2023 – MYStartup NXT, siri persidangan mikro oleh MYStartup telah melabuhkan tirai bagi tahun 2023 dengan persinggahan keempat di Kota Kinabalu, Sabah selepas menjayakan beberapa siri dengan melibatkan *startup* di Cyberjaya, Kuching dan Pulau Pinang.

Program MYStartup NXT yang dijalankan oleh Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle), iaitu agensi *focal point* bagi *startup* Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ini bertujuan untuk memupuk sebuah ekosistem negara yang inklusif, berkesan dan mampan.

Persinggahan di Kota Kinabalu yang dijalankan bersama Pusat Kreatif Ekonomi dan Inovasi Sabah (SCENIC) ini telah menarik lebih daripada 250 peserta dengan menawarkan sesi perkongsian mengenai pendanaan, pengesahan perniagaan, pemupukan bakat baharu dalam bidang teknologi serta rahsia kejayaan untuk menembusi pasaran global.

Selain daripada sesi yang menampilkan pemain ekosistem tempatan seperti SCENIC, SynxSoft, CoreHalal dan AgriData, program ini juga menawarkan peluang rangkaian serta sesi perkongsian khas, 'What's Up Grant', mengenai geran yang ditawarkan oleh Cradle, iaitu CIP SPARK dan CIP SPRINT.

MYStartup NXT juga memberi peluang kepada pakar industri dan pengasas-pengasas tempatan untuk berkongsi perjalanan perniagaan mereka serta cara-cara untuk mengubah idea menjadi realiti.

“MYStartup akan terus memperkasakan *startup* di Sabah dan membantu mereka mengatasi cabaran dalam meningkatkan modal, pembinaan bakat baharu serta kekangan infrastruktur. Saya yakin landskap *startup* di Sabah akan terus berkembang dan menjadi penggerak bagi pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial negara. Di MOSTI, kami akan terus berusaha untuk memastikan Malaysia mampu mencapai potensi penuh dalam menjadi hab inovasi, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI,”

kata YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

“Kami berbesar hati kerana dapat melabuhkan tirai MYStartup NXT tahun ini di Sabah, iaitu sebuah negeri yang mempunyai potensi besar dalam ekosistem *startup* tempatan. Kami akan memastikan faedah di bawah inisiatif MYStartup dapat dinikmati oleh setiap komuniti *startup* tempatan, sama ada dari Lembah Klang, Wilayah Utara dan Selatan atau Sabah dan Sarawak. Kami juga berharap untuk terus memupuk pertumbuhan dan inovasi menerusi penglibatan yang berterusan di setiap negeri,” kata Norman Matthieu Vanhaecke, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Cradle.

“Ini adalah kali pertama saya menyertai program yang menggabungkan pengasas *startup*, ahli profesional korporat dan juga bakal usahawan. Pada pandangan saya, bimbingan, momentum dan peluang daripada pemain ekosistem adalah penting untuk mengembangkan perniagaan kami ke peringkat seterusnya. Dengan sesi perkongsian di MYStartup NXT ini, kami telah didedahkan dengan informasi mengenai geran bagi *startup* tempatan, rahsia kejayaan daripada rakan ekosistem dan juga potensi kolaborasi bersama syarikat di luar negeri Sabah,” kata Mazrie Mahat, Ketua Pegawai Eksekutif SynxSoft Sdn Bhd dan CoreHalal.

MYStartup NXT, dengan kerjasama rakan kongsi tempatan, rakan korporat dan penaja, telah berjaya menarik lebih daripada 800 peserta daripada pelbagai latar belakang. Melalui sesi *Venture Connect* juga, MYStartup telah membantu menghubungkan lebih daripada 100 pengasas dengan pelabur tempatan dan serantau, termasuk Malaysia Venture Capital Management (MAVCAP), Vertex, Malaysian Business Angel Network (MBAN), Khazanah Nasional dan lain-lain.

Selain daripada MYStartup NXT, sebanyak 3,828 *startup* telah mendapat manfaat melalui program pembinaan kapasiti seperti program pemecut (*accelerator*), pra-pemecut (*pre-accelerator*) dan hackathon di bawah Cradle. Tahun ini, empat (4) graduan program pemecut terbaik telah mendapat akses eksklusif ke program akses pasaran MYStartup dan berjaya memperoleh pembiayaan sebanyak RM675,000. Tambahan lagi, bilangan *startup* yang berdaftar di Sabah juga telah meningkat lebih daripada 40% berbanding tahun lepas, dan ini menggambarkan pencapaian baik MYStartup di Sabah.

MYStartup NXT akan kembali dengan destinasi dan perkongsian baharu pada tahun 2024. Untuk mendaftar, sila klik [disini](#) dan untuk maklumat lanjut mengenai MYStartup NXT, sila layari www.mystartup.gov.my.

TAMAT

Disediakan oleh

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
24 November 2023

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Elmy Fairuz Azmi

PR & Media

Komunikasi Strategik

Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)

elmy@cradle.com.my

+6012-271 3457

[Kit Media](#)